

NO. SOALAN: 45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang menghapuskan Akta Hasutan dan mewujudkan semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan menggantikannya dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperlukan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.
2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.
3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

4. Berkenaan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang telah dimansuhkan, setakat ini Kerajaan tiada sebarang cadangan untuk mewujudkan semula Akta tersebut.

Sekian, terima kasih.